

2

Pengurusan Ekonomi Malaysia pada tahun 1994

Tinjauan Keseluruhan

Semasa Belanjawan 1994 dirumus pada tahun lepas, pengurusan ekonomi adalah bertujuan memastikan pertumbuhan terus utuh, segar dan mampan dengan kadar inflasi yang berkurangan dan, pada masa yang sama, memupuk masyarakat yang lebih seimbang dan saksama. Pada tahun 1994, ekonomi Malaysia menyaksikan setahun lagi pertumbuhan pesat dan mampan, dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 8.5%, menjadikan tujuh tahun berturut-turut negara mencatat pertumbuhan yang kukuh. Prestasi ini terserlah mengikut mana-mana perbandingan, khususnya selepas pengembangan purata 8.8% setahun sejak tahun 1988. Yang lebih ketara, pertumbuhan pesat ini tercapai dalam keadaan harga yang lebih stabil, dengan peningkatan Indeks Harga Pengguna (IHP) dikawal pada kadar 3.8%. Di samping itu, pendapatan per kapita negara meningkat lagi untuk mencapai RM8,856, dengan semua rakyat Malaysia menikmati faedah daripada pertumbuhan pendapatan ini.

Walau bagaimanapun, sementara dasar-dasar dan strategi-strategi ini terlaksana dengan sempurnanya, pertumbuhan pesat selama enam tahun telah menimbulkan tekanan ke atas sumber-sumber dalam negeri, khususnya, permintaan agregat yang meningkat, kecairan tinggi, pasaran buruh yang ketat, serta defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang lebih besar. Kesemua faktor ini telah mengakibatkan tekanan sedikit sebanyak ke atas harga secara amnya. Sesungguhnya, masalah-masalah ini biasanya dikaitkan dengan ekonomi yang melalui tempoh pertumbuhan ekonomi pesat yang berterusan.

Kerajaan telah melaksanakan pakej dasar anti-inflasi yang menyeluruh, memandangkan masalah-

masalah ini merupakan perkara-perkara yang memerlukan penyelesaian dasar dengan segera. Pakej dasar ini merangkumi dasar-dasar fiskal dan kewangan serta langkah-langkah pentadbiran yang dibentuk selepas pembentangan Belanjawan 1994 pada bulan Oktober 1993. Pakej ini memberi tumpuan kepada usaha-usaha menghapuskan kekangan pertumbuhan dan penawaran, menguruskan permintaan dalam negeri serta mempertingkatkan daya saingan ekonomi. Ini termasuklah langkah-langkah untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran ekonomi, mengurangkan kekangan infrastruktur, membangunkan sumber-sumber manusia, mengurangkan lebihan kecairan serta kos menjalankan perniagaan. Di samping itu, masalah struktur defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran yang semakin meningkat dan keperluan untuk mengukuhkan rantaian di antara industri kecil dan sederhana (IKS) dengan industri-industri lain dalam negara juga diberi perhatian. Pada masa yang sama, Kerajaan melaksanakan langkah-langkah yang bertujuan memberi lebih banyak peluang kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik untuk menyertai proses pembangunan serta bersama-sama menikmati hasil kemajuan ekonomi negara.

Mengekalkan Pertumbuhan yang Mampan

Pertumbuhan pesat ekonomi dalam enam tahun kebelakangan ini telah menyebabkan paras penggunaan sumber yang tinggi dalam ekonomi. Penggunaan kapasiti, khususnya di sektor perkilangan, kekal tinggi, sementara kekangan dan kesesakan dalam infrastruktur dan perkhidmatan sokongan telah timbul. Di samping itu, dengan ekonomi hampir mencapai tahap guna tenaga penuh, pasaran tenaga menjadi semakin ketat, terutamanya bagi pekerja mahir dan separa mahir.

Kekukuhan pesanan jualan yang berterusan dalam sektor perkilangan telah meningkatkan penggunaan kapasiti jentera dan kilang. Kajian Arah Aliran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) menunjukkan bahawa kadar penggunaan kapasiti sektor perkilangan kekal tinggi pada kadar 82% pada akhir Jun 1994. Di samping itu, pelaburan yang diluluskan di sektor perkilangan telah berkurangan dengan banyaknya pada tahun 1992 dan 1993. Keadaan ini boleh menyekat keupayaan sektor ini meningkatkan pengeluaran dengan lebih ketara pada tahun 1995/96, memandangkan projek pelaburan yang diluluskan mengambil masa pembinaan selama dua atau tiga tahun, sebelum boleh memulakan pengeluaran.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menggalakkan pelaburan semula dan baru demi memperbaiki iklim pelaburan serta mempertingkatkan daya saingan dan kecekapan sektor swasta. Langkah-langkah ini bertujuan menggalakkan pelaburan bagi memodenkan operasi pengeluaran yang sedia ada, mempelbagaikan aktiviti-aktiviti serta menceburi bidang-bidang pertumbuhan baru yang strategik.

Untuk tujuan ini, Kerajaan telah meningkatkan kadar elaun pelaburan semula bagi industri-industri besar daripada 40% kepada 50%, manakala tempoh kelayakan bagi elaun ini telah dipanjangkan tanpa dihadkan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 1994. Bagi memastikan bahawa Malaysia terus menjadi pusat pelaburan yang menarik, kadar cukai pendapatan syarikat telah dikurangkan daripada 34% kepada 32% berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1994. Kerajaan juga komited untuk mengurangkan lagi kadar ini kepada 30% berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1995. Untuk merangsangkan pembangunan sektor petroleum sebagai sumber pertumbuhan dan penyumbang kepada hasil Kerajaan, kadar cukai pendapatan atas petroleum juga telah dikurangkan daripada 45% kepada 40% berkuatkuasa dari tahun taksiran 1994, manakala duti eksport minyak mentah akan dikurangkan daripada 25% kepada 20% berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995. Galakan Ibu Pejabat Operasi (OHQ) telah dipanjangkan kepada perkhidmatan perbankan dan perniagaan untuk menggalakkan pelaburan dan membangunkan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan dan kewangan, di mana syarikat-syarikat yang membekalkan perkhidmatan pengurusan dan sokongan kepada syarikat-syarikat bersekutu di luar negeri boleh menikmati galakan cukai pada kadar yang rendah, iaitu sebanyak 10%.

Langkah-langkah fiskal ini, di samping Inisiatif Pelaburan Dalam Negeri yang dilancarkan pada tahun 1993, serta pemulihan di negara-negara perindustrian telah menghasilkan peningkatan ketara dalam permohonan pelaburan di sektor perkilangan daripada kedua-dua pelabur asing dan tempatan pada tahun 1994. Cadangan pelaburan modal yang diluluskan oleh MIDA melonjak sebanyak 174% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Projek-projek pelaburan ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran sektor perkilangan dengan ketara mulai tahun 1997, iaitu selepas dua atau tiga tahun tempoh pembinaannya.

Peningkatan permintaan bagi infrastruktur dan utiliti telah menyebabkan kekurangan bekalan tenaga serta kesesakan lalu lintas di bandar. Menyedari bahawa rangkaian infrastruktur yang cekap dan mencukupi adalah penting untuk menyokong pertumbuhan pesat ekonomi, Kerajaan terus memberi keutamaan kepada pembangunan, peningkatan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan infrastruktur, menentukan bekalan tenaga dan air yang mencukupi serta meningkatkan kualiti dan kecekapan kemudahan dan perkhidmatan berkenaan menerusi teknologi-teknologi yang lebih baik dan pembangunan sumber manusia. Pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan utiliti yang besar telah juga dipertingkatkan menerusi penswastan bagi membantu usaha-usaha Kerajaan. Di antara projek-projek utama pada masa ini yang sedang dalam pembinaan ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Projek Landasan Keretapi Berkembar dan Elektrifikasi di antara Kuala Lumpur - Pelabuhan Kelang dan Subang dan antara Rawang dan Seremban serta fasa I Sistem Transit Aliran Ringan di Kuala Lumpur. Pelabuhan baru di Pulau Indah Kelang sedang dibina manakala pembesaran dan pembaikan di pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada telah meningkatkan kemudahan-kemudahan pengendalian kargo serta kecekapan di pelabuhan. Selain daripada itu, kapasiti bekalan tenaga juga telah ditingkatkan untuk memenuhi permintaan yang bertambah menerusi pembinaan loji-loji baru termasuk janakuasa yang dibina oleh Pengeluar Tenaga Persendirian. Bagi Semenanjung Malaysia, langkah-langkah tersebut akan meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik sebanyak 45% kepada 9,096 MW. Di samping itu, Kerajaan juga telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Projek Hidro-elektrik Bakun di Sarawak yang mempunyai potensi kapasiti sebanyak 2,400 MW. Dalam bidang telekomunikasi, Telekom Malaysia

Berhad meneruskan usaha-usaha pendigitalannya menerusi penggunaan optik serabut. Dengan siapnya Menara Kuala Lumpur, sistem telekomunikasi negara akan dipertingkatkan lagi.

Peningkatan Rantaian di antara Industri

Sektor perkilangan, khususnya industri-industri yang berorientasi eksport, telah menyumbang kepada pertumbuhan pesat ekonomi. Menyedari pengeluaran sektor ini berlandaskan kepada asas yang kecil, Kerajaan telah terus menumpukan strategi-strateginya kepada perluasan dan pendalaman perindustrian untuk mencapai nilai ditambah dan rantaian antara industri yang lebih kukuh. Integrasi pembekalan input khususnya dalam industri elektronik, pengangkutan, logam asas dan yang direka adalah digalakkan. Pada masa yang sama, rantaian yang lebih kukuh menerusi aktiviti-aktiviti hiliran juga telah digalakkan, khususnya bagi industri-industri berasaskan sumber seperti keluaran kayu dan getah serta keluaran kimia dan petrokimia.

Pembangunan IKS adalah satu langkah yang penting dan sesuai bukan sahaja untuk pengembangan perindustrian, tetapi juga untuk mewujudkan rantaian dan sokongan di antara industri. Oleh itu, rantaian di antara IKS dengan industri-industri yang lebih besar telah diperkukuhkan menerusi pembangunan IKS supaya ianya menjadi pengeluar dan pembekal input perindustrian, jentera dan peralatan untuk kegunaan industri-industri besar dan syarikat-syarikat multi-nasional (MNC). Pembangunan IKS boleh mengurangkan pergantungan industri kepada barang-barang dan komponen yang diimport memandangkan kandungan bahan-bahan yang diimport bagi eksport barangan Malaysia adalah tinggi, seperti mana yang dicerminkan oleh nisbah semasa yang tinggi antara import barang-barang perantaraan dan eksport perkilangan, iaitu 0.47:1. Dalam hal ini, pembinaan loji fabrikasi wafer, contohnya, membolehkan integrasi dengan pembekal input yang lebih besar dan menyediakan nilai ditambah keluaran elektronik yang lebih tinggi, iaitu satu proses yang merupakan peralihan daripada aktiviti-aktiviti pemasangan sahaja. Pembangunan industri komponen yang berorientasi keperluan dalam negeri seperti peralatan dan aksesori kenderaan, acuan dan pencelupan dan kejuruteraan serta perekaan logam adalah penting untuk meningkatkan rantaian antara industri.

Memandangkan IKS memainkan peranan yang penting, usaha-usaha berterusan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan pembangunannya. Dalam hal ini, Program Pembangunan Vendor (PPV) telah diberi keutamaan yang tinggi untuk menggalakkan rantaian di antara IKS dalam negeri dan syarikat-syarikat utama luar negeri. Di bawah peraturan PPV, syarikat-syarikat utama akan menjamin pasaran bagi vendor-vendor (IKS) dan institusi kewangan akan menyediakan keperluan kemudahan kewangan berdasarkan kepada pasaran yang terjamin. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, sebanyak 20 perbadanan dan MNC lagi telah menyertai PPV di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai syarikat-syarikat utama, menjadikan jumlahnya kepada 30 syarikat utama, dengan 55 vendor pada akhir bulan Julai 1994. Vendor-vendor tersebut terlibat dalam pelbagai aktiviti perkilangan seperti acuan suntikan plastik, komponen otomotif, 'metal stamping and fabrication' serta 'electroplating'. Di bawah program vendor Kementerian Kewangan, kemajuan juga telah dicapai untuk memajukan masyarakat peniaga Bumiputera, dengan PABK sebagai syarikat utama dan IKS Bumiputera sebagai vendor. Selain daripada PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad yang telahpun turut serta sebagai syarikat vendor di bawah fasa satu, empat lagi PABK akan menyertai program ini pada fasa kedua, iaitu HICOM, MAS, KTM dan Syarikat Malaysia Explosives Industries Sendirian Berhad. Pada akhir bulan Julai 1994, 16 vendor Bumiputera telah menyertai program tersebut. Nilai kontrak di antara vendor dan syarikat utama ialah RM177.4 juta. Memandangkan masalah kekurangan modal dan kesukaran bagi mendapatkan sumber kewangan yang dialami oleh sebahagian daripada IKS, skim jaminan Syarikat Jaminan Kredit (CGC), untuk perniagaan kecil telahpun disusun semula dan dijadikan lebih liberal bagi membantu IKS mendapatkan sumber kewangan daripada CGC.

Memerangi Inflasi

Di dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berlarutan, keutamaan utama Kerajaan ialah untuk menjamin pertumbuhan pesat ini berkekalan dengan inflasi yang rendah. Memandangkan inflasi mengakibatkan pendapatan sebenar pengguna terjejas, termasuk memberi tekanan bagi kenaikan upah, yang jika tidak

diimbangi dengan peningkatan produktiviti akan menjejaskan daya saing ekonomi, Kerajaan telah mengukuhkan pelaksanaan langkah-langkah bagi memerangi inflasi dalam tempoh 1994. Kerajaan telah meneruskan langkah-langkah fiskal berhemat selain daripada mengetatkan dasar kewangan dan memperkenalkan langkah-langkah pentadbiran. Langkah-langkah fiskal dan kewangan adalah bertujuan menguruskan tahap permintaan, mengurangkan tahap kecairan dan meningkatkan tabungan dalam ekonomi, manakala langkah-langkah pentadbiran adalah untuk mengawal kenaikan jangkaan inflasi menerusi peningkatan kesedaran awam mengenai bahaya inflasi dan penyebaran maklumat harga kepada pengguna.

Dasar kewangan tahun 1994 merangkumi langkah-langkah antiinflasi dengan mengawal lebihan kecairan secara berkesan, mengelakkan peningkatan tekanan harga serta jangkaan inflasi. Pada akhir tahun 1993, penawaran wang berkembang pada kadar yang cepat, mencatatkan kadar tahunan 23.5% bagi M3, 22.1% bagi M2 dan 37.5% bagi M1. Tahap kecairan ini sangat tinggi berbanding dengan pertumbuhan tahunan KNK nominal sebanyak 10.7%. Kecairan berlebihan ini adalah disebabkan terutamanya oleh aliran masuk modal jangka pendek yang besar untuk tujuan spekulasi, yang didorong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh, pasaran saham yang cergas dan peluang kadar faedah "arbitrage" pada akhir tahun 1993 dan awal tahun 1994. Memandangkan kecairan yang berlebihan boleh mencetuskan jangkaan inflasi, Kerajaan telah mengekalkan dasar kewangan yang ketat pada awal 1994 melalui beberapa langkah, khususnya untuk mengawal kemasukan dana jangka pendek pada tahap yang terurus, di samping tidak menggalakkan urus niaga spekulasi terhadap ringgit. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (a) menaikkan nisbah rezab berkanun bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar sebanyak 1 angka peratusan daripada 8.5% kepada 9.5% daripada asas tanggungan layak, berkuat kuasa 3 Januari 1994. Langkah ini berjaya menyerap sebanyak RM1.5 bilion lebihan kecairan dalam sistem perbankan;
- (b) menyemak semula takrif asas tanggungan yang layak oleh institusi-institusi perbankan untuk merangkumi semua kemasukan dana

asing berkuat kuasa 16 Januari 1994. Dengan pelaksanaan langkah ini, institusi perbankan dikehendaki mengasingkan sebanyak RM1 bilion sebagai tambahan dalam rezab berkanun dan sebanyak RM2 bilion lagi dalam aset cair dengan Bank Negara Malaysia;

- (c) mengenakan tanggungan asing bersih, setelah ditolak aliran masuk yang berkaitan dengan perdagangan atau pelaburan tulin di Malaysia, kepada had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, berkuat kuasa 17 Januari 1994. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kemasukan modal jangka pendek dikawal pada tahap yang terurus sepanjang masa;
- (d) melarang pemastautin, di bawah Akta Kawalan Pertukaran 1953, menjual instrumen-instrumen kewangan jangka pendek kepada bukan pemastautin berkuat kuasa 24 Januari 1994. Instrumen-instrumen ini ialah bil-bil Bank Negara, bil-bil Perbendaharaan, sekuriti Kerajaan (termasuk sekuriti Islam) yang mempunyai tempoh matang satu tahun ke bawah, bon Cagamas yang mempunyai tempoh matang satu tahun ke bawah, penerimaan jurubank dan deposit yang berupa instrumen yang boleh diniagakan; dan
- (e) memerlukan bank perdagangan menyimpan dana ringgit institusi perbankan asing dalam akaun vostro tanpa faedah dengan Bank Negara berkuat kuasa 2 Februari 1994. Dana ini disimpan dalam akaun semasa tanpa faedah di Bank Negara. Berkuat kuasa dengan tempoh asas bermula 16 Februari 1994, dana-dana ini akan dimasukkan dalam asas tanggungan layak dan tertakluk kepada keperluan rezab berkanun dan keperluan kecairan yang biasa. Langkah ini adalah sebagai tambahan kepada penempatan lebihan dana Kerajaan Persekutuan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan Bank Negara Malaysia.

Kesan daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, kemasukan dana jangka pendek telah berkurangan dengan ketara di mana penerimaan bulanan bagi portfolio pelaburan asing berkurang dari RM20.4 bilion dalam bulan Januari

1994 kepada RM16.1 bilion pada bulan April 1994. Kemasukan pelaburan bersih bagi jangka masa yang sama berkurangan daripada lebih RM5.8 bilion kepada defisit RM957 milion. Dalam masa yang sama, baki akaun vostro institusi bank asing yang dipegang oleh bank perdagangan, yang mencapai angka lebih RM8 bilion dalam bulan Januari, telah berkurangan kepada RM2.6 bilion pada pertengahan Mei 1994. Ini menggambarkan kejayaan kadar faedah negatif yang telah dikenakan pada bulan Februari 1994 bagi mengurangkan dana spekulatif yang disimpan di dalam akaun vostro. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan kadar faedah negatif ke atas baki akaun vostro yang dipegang oleh institusi perbankan asing. Oleh itu, berkuat kuasa 16 Mei 1994, dana ini tidak lagi tertakluk kepada keperluan-keperluan rezab berkanun dan kecairan. Memandangkan langkah ini akan membebaskan lebih kecairan ke dalam sistem perbankan yang telahpun mengandungi lebih dana, nisbah rezab berkanun bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan telah dinaikkan dari 9.5% kepada 10.5% dan seterusnya kepada 11.5% pada 1 Julai 1994 bagi menyerap kecairan yang berlebihan.

Dengan kadar faedah dalam negeri yang semakin sama dengan kadar faedah antarabangsa, ditambah pula dengan kenaikan nilai ringgit sebanyak 7.2% daripada RM2.76: US\$1 pada akhir Januari 1994 kepada RM2.56 pada akhir Julai 1994, peluang-peluang untuk "arbitrage" faedah, di samping kemungkinan keuntungan melalui spekulasi bahawa nilai ringgit akan meningkat lagi, telah berkurangan menjelang suku ketiga tahun 1994. Ini dapat dilihat dari aliran keluar bersih dana yang berterusan untuk pelaburan sejak Februari hingga Julai 1994. Tambahan pula, memandangkan kadar inflasi yang menurun dari 5% dalam bulan Februari 1994 kepada 3.3% pada bulan Ogos 1994, beberapa langkah khusus yang dikenakan terdahulu telah dilonggarkan. Oleh yang demikian, larangan kepada pemastautin daripada menjual instrumen kewangan jangka pendek kepada bukan pemastautin telah ditarik balik pada Ogos 1994. Larangan untuk membuat urus niaga swap dengan bukan pemastautin juga telah ditarik balik. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kecairan di dalam ekonomi masih tinggi, Bank Negara telah mengeluarkan bil Bank Negara bernilai RM1 bilion

dalam dua bahagian, iaitu bil tiga bulan dan bil enam bulan bernilai RM500 juta tiap-tiap satu dalam bulan Ogos 1994, untuk menyerap lebih banyak kecairan.

Di samping menggunakan dasar kewangan yang ketat, Kerajaan terus mengamalkan dasar fiskal yang berhemat bagi mengukuhkan kedudukan kewangan bertujuan mengurangkan permintaan yang berlebihan dan mengatasi tekanan harga di dalam ekonomi. Ini termasuk mengawal perbelanjaan mengurus, memberi keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan untuk projek terpilih yang memberi sumbangan untuk mengurangkan kekangan infrastruktur dan penawaran serta meliberalisasikan import melalui pengurangan duti import. Pengurangan atau penghapusan duti import ke atas lebih daripada 600 butiran dalam Belanjawan Tahun 1993 telah menunjukkan kesan positif dalam mengurangkan inflasi. Dalam masa yang sama, ia membolehkan pengguna membeli barang-barang pada harga yang lebih rendah. Dalam Belanjawan Tahun 1994, duti-duti import ke atas lebih daripada 500 butiran, termasuk barang-barang perantaraan, seperti bahan-bahan binaan, peralatan pembinaan, peralatan perubatan dan alat ganti kenderaan, di samping makanan bayi, telah dikurangkan atau dihapuskan.

Sementara dasar kewangan yang ketat serta dasar fiskal yang berhemat telah berjaya mengawal tekanan permintaan di dalam ekonomi, keadaan pasaran buruh yang ketat dan kekangan-kekangan penawaran telah juga menyumbang kepada jangkaan-jangkaan inflasi. Di samping itu, inflasi adalah disebabkan sebahagiannya oleh kekangan infrastruktur dan agihan serta ketidaksempurnaan pasaran seperti kurangnya maklumat mengenai harga, amalan-amalan perniagaan yang tidak sihat serta kurangnya kesedaran di kalangan pengguna mengenai bahaya inflasi, dan kurangnya kesedaran di kalangan pengedar dan peniaga tentang perlunya mengenakan harga yang saksama. Justeru itu, langkah-langkah pentadbiran telah diambil untuk melengkapkan langkah-langkah fiskal dan kewangan untuk memerangi inflasi. Pengalaman yang lalu menunjukkan wujudnya harga yang rigid di dalam sistem pengedaran, di mana para pengedar dan peniaga keberatan untuk mengurangkan harga barangan sungguhpun duti import telah dikurangkan atau dihapuskan. Bagi memastikan harga barangan dikurangkan selaras

dengan pengurangan duti import, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1994, penguatkuasaan yang lebih rapi telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Untuk meningkatkan maklumat harga, Pusat Maklumat Harga telah diwujudkan di ibu-ibu negeri, di mana harga 90 barangan pengguna dikumpul dan disebarikan setiap minggu melalui sebaran am serta harga 25 barangan disebarikan setiap hari.

Untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya jangkaan-jangkaan inflasi dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahayanya, satu kempen antiinflasi telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 19 Mei 1994. Persatuan-persatuan pengguna telah diperuntukkan sebanyak RM2.2 juta bagi mengendalikan program-program mengenai kesedaran pengguna dan aktiviti-aktiviti antiinflasi lain. Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menerbitkan majalah bulanan dan risalah mengenai isu-isu kepenggunaan dan inflasi. Kedai-kedai yang menjual barangan dengan harga yang berpatutan telah dikenal pasti dan diiktiraf sebagai 'kedai harga patut'.

Namun demikian, penglibatan Kerajaan dalam menentukan harga akan dikekalkan pada tahap minimum bagi memastikan pengguna diberi perlindungan daripada peniaga-peniaga yang mengambil untung secara berlebihan, dan dalam masa yang sama memberi pulangan yang berpatutan kepada pengeluar, pengedar dan peruncit. Ke arah ini, undang-undang perlindungan pengguna dan persaingan sedang digubal, untuk mengadakan peraturan-peraturan yang mengawal selia amalan pemasaran yang adil dan lebih telus dan mengurangkan keperluan campur tangan Kerajaan dalam menentukan harga.

Pakej dasar-dasar yang menyeluruh dalam memerangi inflasi telah menghasilkan kejayaan di dalam mengawal peningkatan harga. IHP yang berada di tahap tertinggi 5% pada bulan Februari 1994 mula berkurangan secara perlahan ke tahap 3.3% dalam bulan Ogos 1994. Dengan ini, pada tahun 1994 inflasi dijangka tidak melebihi 3.8%. Sekiranya harga makanan yang telah meningkat pada kadar 5.6% disebabkan kekurangan bekalan dapat dikurangkan, kadar inflasi dapat dicatatkan lebih rendah, iaitu pada kadar 2.9%.

Mengatasi Masalah Kekurangan Buruh dan Tenaga Mahir

Dalam tahun 1994, pasaran buruh terus menghadapi keadaan yang meruncing. Dengan kadar pengangguran dijangka mencapai paras terendah, iaitu 2.8% pada tahun 1994, Malaysia pada hakikatnya telah mencapai paras guna tenaga penuh. Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, permintaan untuk pekerja telah mengatasi bilangan mereka yang memasuki pasaran buruh. Kekurangan tenaga buruh mahir dan kurang mahir telah menjadi lebih ketara, terutamanya di negeri-negeri yang lebih maju. Persaingan sengit di kalangan majikan untuk mendapatkan tenaga kerja dengan membuat tawaran upah dan faedah yang lebih baik telah mengakibatkan kerapnya berlaku perubahan tempat pekerjaan di kalangan pekerja dan "staff pinching". Kajian bulanan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan upah bagi semua peringkat pekerja dalam sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 6.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994, sementara produktiviti meningkat sebanyak 2.2%. Ini menyebabkan kos buruh seunit keluaran meningkat sebanyak 4.4%. Sungguhpun upah merupakan hanya 7% daripada jumlah nilai jualan barangan perkilangan, kenaikan kos buruh seunit keluaran akan memberi kesan terhadap daya saingan barang-barang keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa dan dalam negeri.

Bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh pada amnya, Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja-pekerja mahir dan profesional dari luar negeri. Bagi pekerja tidak mahir dan separa mahir pula, kemasukan mereka telah dibekukan supaya mereka yang telah berada di negara ini dapat diserap. Sungguhpun begitu, pengecualian bagi pengambilan buruh asing masih diberi bagi kes-kes tertentu.

Sektor perkilangan adalah digalakkan untuk menempatkan operasi atau projek mereka yang berintensif buruh ke kawasan-kawasan yang kurang maju perindustriannya, terutama pantai timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di mana lebih tenaga buruh masih wujud. Penempatan semula seperti ini bukan sahaja membolehkan mereka menggunakan tenaga buruh yang lebih murah, tetapi juga membantu mewujudkan pertumbuhan yang lebih seimbang di antara wilayah-wilayah di dalam negara. Ke arah tujuan ini, industri-industri yang layak

mendapatkan taraf perintis dan telahpun ditempatkan di kawasan-kawasan ini, diberi pengecualian cukai sebanyak 85% daripada pendapatan berkanun mereka, berkuat kuasa dari hari Belanjawan tahun 1994. Bagi syarikat-syarikat yang layak mendapatkan elaun cukai pelaburan, kadar elaun dinaikkan kepada 80% dan amaun elaun yang akan dikecualikan bagi setiap tahun taksiran akan dinaikkan kepada 85% daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran berkenaan. Syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya yang mengendalikan proses pengeluaran berintensif buruh dan tidak lagi dapat bersaing dengan industri-industri yang serupa di negara-negara yang mempunyai lebih buruh, adalah digalakkan untuk melabur di luar negara. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengurangkan cukai pendapatan yang diremitkan hasil daripada pelaburan luar negeri kepada tidak melebihi 10% daripada pendapatan tersebut, dan tidak lagi pengecualian cukai 50% daripada pendapatan remitan.

Memandangkan sektor perkilangan tidak boleh terus bergantung kepada tenaga buruh asing yang murah untuk bersaing dari segi kos, sektor perkilangan perlu mengambil strategi peralihan ke arah penjimatan tenaga buruh dan pemprosesan pengeluaran berteknologi tinggi supaya dapat meningkatkan produktiviti buruh dan mengurangkan kos buruh seunit. Untuk membantu peralihan ini, Belanjawan tahun 1994 telah meningkatkan kadar elaun pelaburan semula dan meluaskannya ke satu tempoh yang tidak terhad bagi menggalakkan sektor perkilangan terus memodenkan kilang-kilang dan peralatan mereka, serta mengotomasi atau menggunakan robot dalam proses pengeluaran.

Kecukupan tenaga manusia yang berkemahiran dan terlatih serta kemampuan teknologi negara amatlah mustahak bagi membantu peralihan yang berterusan ke arah pemprosesan pengeluaran berteknologi tinggi dan meningkatkan keupayaan negara dalam bidang inovasi dan penyelidikan dan pembangunan (P&P). Dalam konteks ini, sektor perkilangan mesti menggiatkan usaha-usaha pembangunan sumber manusia memandangkan bahawa bantuan kewangan bagi melatih pekerja-pekerja mereka boleh diperolehi daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Untuk menarik majikan menggunakan kemudahan-kemudahan di bawah KWPSM ini, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) telah membuat beberapa pindaan ke atas syarat-

syarat memperolehi bantuan daripada Kumpulan Wang ini dalam tahun 1994. Perubahan-perubahan ini termasuklah menaikkan kadar bantuan kewangan sehingga kepada 80% daripada kos latihan yang dibenarkan, membolehkan program-program mempertingkatkan kemahiran dan melatih semula pada peringkat diploma diberi peluang untuk mendapatkan bantuan kewangan, mempercepatkan bayaran tuntutan dan mengadakan skim PERLA (Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan), yang mana majikan perlu membayar yuran muka yang kecil sahaja bagi latihan dan pihak penyedia latihan pula akan menuntut bakinya daripada MPSM. Skim PERLA ini adalah untuk membantu dan menggalakkan majikan-majikan, terutamanya syarikat-syarikat yang kecil, untuk meningkatkan keselajaran melatih semula dan mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja mereka dengan bebanan kewangan yang minimum.

Untuk mengadakan lebih ramai tenaga kerja P&P dan berkemahiran untuk ekonomi, Belanjawan Tahun 1994 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM114.3 juta untuk membiayai program-program latihan kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perusahaan Awam dan MARA serta Program Latihan Pengurusan Perindustrian untuk melatih kakitangan agensi-agensi P&P, seperti SIRIM, MARDI, PORIM dan MIMOS. Peruntukan tambahan sebanyak RM116.4 juta telah diberi untuk program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan bagi mempercepatkan kegiatan P&P dan sebanyak RM86.3 juta untuk pembangunan Taman Teknologi, yang meliputi seluas 314 hektar di Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan, untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi kegiatan P&P.

Mengurangkan Defisit Perkhidmatan

Satu isu utama ekonomi Malaysia ialah defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran yang telah berpanjangan. Jumlah defisit ini telah melebar dari RM9.7 bilion (8.8% daripada KNK) dalam tahun 1990 kepada RM15 bilion pada tahun 1993 (9.7% daripada KNK). Pada tahun 1994, jumlah defisit ini dijangkakan meningkat kepada RM17.7 bilion (10.3% daripada KNK) dengan 51% daripada defisit ini adalah berpunca daripada pengaliran keluar bersih pendapatan pelaburan, 35% daripada tambang dan insurans dan 18% daripada perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti

perkhidmatan kontrak dan professional. Keperluan untuk menangani defisit perkhidmatan menjadi lebih mendesak apabila akaun dagangan imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil dalam tahun ini, disebabkan oleh kadar peningkatan import dagangan yang melebihi eksport. Akibatnya, jumlah defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran dijangka melebar kepada RM11.7 bilion berbanding dengan RM6.3 bilion dalam tahun 1993. Sementara kenaikan pesat dalam import dagangan tidak menimbulkan kebimbangan setakat ini selagi peningkatannya disebabkan terutamanya oleh pertambahan barangan import modal dan perantaraan yang kukuh bagi tujuan yang produktif, defisit yang berlanjutan dalam akaun perkhidmatan hendaklah diberi perhatian yang berat. Oleh itu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perdagangan Perkhidmatan, yang dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri, serta Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Kanan Mengenai Perdagangan Perkhidmatan telah merangka pelbagai strategi dan langkah bagi mengurangkan defisit perkhidmatan tersebut. Ini termasuklah:

- (a) menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negeri untuk memperolehi pendapatan pelaburan dan membawa balik pendapatan itu ke Malaysia. Oleh itu, kadar pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diremit daripada pelaburan seberang laut telah dinaikkan dari 50% kepada 70%. Dengan demikian, syarikat-syarikat hanya perlu membayar cukai pada kadar tidak lebih daripada 10% ke atas pendapatan remitan. Syarikat-syarikat, termasuk dalam bidang industri minyak dan gas yang melaksanakan projek-projek perkhidmatan di luar negeri, akan menikmati pengecualian cukai tersebut untuk tempoh yang tidak terhad, berkuat kuasa dari tahun taksiran 1994;
- (b) menyederhanakan pengaliran keluar pendapatan pelaburan dengan menggalakkan syarikat-syarikat asing untuk melabur semula keuntungan mereka di Malaysia. Ini dilakukan dengan meningkatkan kadar elaun pelaburan semula kepada 50% dan melanjutkan tempoh elaun ini pada tempoh yang tidak terhad;
- (c) membina keupayaan negara dalam mengeksport secara C.I.F dan mengimport secara F.O.B. Dalam konteks ini, usaha-

usaha sedang dilakukan untuk memajukan industri "freight forwarding" tempatan untuk menjadi industri pengangkutan "multi-modal", termasuk pengenalan perundangan untuk memastikan penyediaan perkhidmatan berkualiti pada tahap piawai yang boleh diterima. Pelabuhan Kelang akan digalakkan menjadi pusat pemunggah dan pemindahan serta sebagai pelabuhan "entrepot". Lanjutan daripada ini, sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan penggunaan Pelabuhan Kelang, dasar "cabotage" telah dipinda untuk membolehkan kapal-kapal asing membawa barangan antara pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang. Sebelum pindaan ini, kapal-kapal asing tidak dibenar menyertai dalam perdagangan "cabotage" Malaysia. Tambahan lagi, sistem Tukaran Data Elektronik (EDI) telahpun diperkenalkan di Pelabuhan Kelang dalam tahun 1994 untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan prosidur-prosidur import-eksport bagi melicinkan pergerakan kargo. Halangan-halangan pentadbiran, prosidur dan perundangan juga sedang diatasi sementara tahap perkhidmatan "bunker" di Pelabuhan Kelang sedang dipertingkatkan untuk menarik lebih banyak kapal asing berlabuh di Pelabuhan Kelang;

- (d) meningkatkan premium perinsuranaan semula dikekalkan di dalam Malaysia dengan membenarkan syarikat-syarikat perinsuranaan semula asing yang mantap kedudukan kewangannya beroperasi di Malaysia. Dua buah syarikat seumpama ini telahpun didaftarkan, sementara sebuah lagi telah diberi kelulusan untuk beroperasi di Malaysia. Syarikat-syarikat ini boleh menyumbang kepada peningkatan daya kapasiti penyimpanan premium dalam negeri serta melakukan kerja-kerja penanggungan di bidang perniagaan perinsuranaan semula dalaman. Di samping itu, Kerajaan telah juga melancarkan satu Skim Insurans Risiko Besar dan Khusus pada Januari 1994. Skim ini akan juga membantu mengoptimalkan daya kapasiti penyimpanan industri insurans tempatan, sementara meningkatkan kemampuan teknikal penginsurans Malaysia dalam menanggung risiko-risiko sedemikian. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, skim tersebut telah menginsurankan

sebanyak 43 risiko besar berjumlah RM21 bilion dan keseluruhan premium adalah sebanyak RM118 juta. Peratusan premium penyimpanan tempatan ialah 26.1% atau RM30.7 juta;

- (e) menggalakkan eksport dalam "perkhidmatan-perkhidmatan lain" yang boleh meningkatkan pendapatan pertukaran asing daripada royalti, kontrak dan perkhidmatan-perkhidmatan profesional. Berkuat kuasa dari tahun taksiran 1994, insentif-insentif bagi menubuhkan Ibu Pejabat Operasi telah diperluaskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan bank perdagangan dan pelaburan, yang mana boleh menikmati insentif cukai pada kadar konsesi sebanyak 10%. Di samping itu, perundangan mengenai penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan telah diluluskan oleh Parlimen. Lembaga ini, antara lain, akan membantu menggalakkan eksport di dalam bidang perkhidmatan yang mempunyai kaitan dengan industri pembinaan;
- (f) meningkatkan pendapatan pertukaran wang asing melalui pelancongan. Dalam konteks ini, pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pengusaha-pengusaha pelancongan, yang membawa masuk sekurang-kurangnya 500 pelancong asing, telah dilanjutkan sehingga tahun 2000 dan ianya meliputi pelancong-pelancong yang tiba melalui darat, laut dan udara. Di samping itu, duti import ke atas kenderaan rumah bermotor telah juga dikurangkan selaras dengan potensi pertumbuhan perjalanan percutian yang menggunakan kenderaan rumah bermotor. Tambahan pula, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah melaksanakan beberapa program untuk memaju dan menggalakkan lagi industri pelancongan. Ini termasuklah kegiatan-kegiatan promosi di luar negeri, mengadakan pameran, pesta makanan dan kebudayaan sempena Tahun Melawat Malaysia 1994 serta menggalakkan "eco-tourism" dan "agro-tourism"; dan
- (g) mengurangkan pengaliran keluar pertukaran wang asing bersih melalui pendidikan, dengan menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negeri

daripada menghantar ke seberang laut. Oleh itu, pelepasan ke atas anak-anak melanjutkan pendidikan tinggi di dalam negeri telah dinaikkan sebanyak empat kali ganda daripada pelepasan biasa untuk tujuan cukai pendapatan. Dalam masa yang sama, pelepasan ke atas anak yang melanjutkan pelajaran di luar negeri telah dikurangkan daripada empat kali ganda kepada dua kali ganda kadar pelepasan yang diberi kepada seorang anak. Strategi jangka panjang untuk mengurangkan pengaliran keluar dan meningkatkan pengaliran masuk pertukaran wang asing melalui pendidikan adalah menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang cemerlang, supaya dapat menarik pelajar-pelajar luar negeri dan tempatan untuk belajar di negara ini. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta mewujudkan satu Akta baru iaitu, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Dengan ini, universiti-universiti asing akan dibenarkan menubuhkan kampus cawangan di Malaysia. Di samping itu, Kerajaan akan juga menubuhkan satu Lembaga Pengiktirafan Negara untuk mengawal selia institusi-institusi pengajian swasta. Langkah-langkah tersebut merupakan sebahagian daripada satu pakej reformasi yang menyeluruh bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang unggul.

Langkah-langkah yang diambil untuk memperkukuhkan akaun perkhidmatan imbalan pembayaran pada tahun 1994 mencerminkan sebahagian daripada strategi jangka panjang negara untuk mengukuhkan kemampuan negara dalam melaksanakan penggantian import dan mengeksport perkhidmatan. Perlunya Malaysia meningkatkan keupayaan ini menjadi semakin mustahak memandangkan Malaysia sedang meliberalisasikan perdagangan perkhidmatan secara beransur-ansur selaras dengan komitmennya kepada Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan di bawah Pusingan Uruguay. Keupayaan tersebut akan menyediakan Malaysia untuk menghadapi persaingan sejagat yang lebih hebat dalam perdagangan perkhidmatan dan mengelakkan defisit dalam akaun perkhidmatan daripada menjadi lebih besar pada masa hadapan.

Mengekalkan Belanjawan Berhemat

Dasar fiskal pada tahun 1994 adalah berasaskan kepada hemat dan disiplin dalam operasi belanjawan ke arah memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam. Langkah-langkah ini melengkapi dasar kewangan ketat yang dilaksanakan oleh Bank Negara untuk mengawal tekanan permintaan yang tinggi dan peningkatan harga. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan telah dikawal dengan rapi. Kawalan-kawalan ini termasuklah usaha-usaha membetulkan saiz sektor awam, yang mana tenaga kerja sektor awam umumnya telah dikurangkan, kecuali bagi perkhidmatan penting seperti kesihatan dan pendidikan, serta juga menerusi penswastaan agensi-agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam perbelanjaan pembangunan, Kerajaan telah meneruskan pelaksanaan pelaburan awam secara terpilih bagi projek-projek berkeutamaan dan produktif khususnya pembangunan infrastruktur dan sumber manusia bagi mengurangkan kekangan infrastruktur dan sumber manusia serta menggalakkan sains dan teknologi untuk memperdalam dan memperluaskan asas bagi pembangunan industri-industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Dari segi hasil, Kerajaan telah meneruskan usaha menyusun semula sistem cukai dengan tujuan mewujudkan suasana yang sesuai bagi pertumbuhan sektor swasta yang kukuh, mengadakan pelepasan-pelepasan cukai demi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah serta mengurangkan cukai ke atas barang keperluan untuk terus menurunkan harga.

Sungguhpun dasar fiskal 1994 telah melibatkan pemotongan cukai korporat, pengurangan dan penghapusan duti-duti import dan peruntukan galakan-galakan tambahan, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.6%. Secara keseluruhan, walaupun perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 4.8% dan perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 23.5%, Kerajaan Persekutuan mencapai belanjawan berimbang sekali lagi dengan lebihan sebanyak RM637 juta. Pencapaian belanjawan berimbang mencerminkan komitmen Kerajaan ke arah pengukuhan kewangannya untuk mengawal tekanan permintaan di dalam ekonomi, menyederhanakan peningkatan harga dan memandu ekonomi ke arah pertumbuhan yang mampan.

Untuk terus membetulkan saiz sektor awam dan mengurangkan penglibatannya dalam ekonomi serta bagi membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar, Kerajaan terus meningkatkan usaha-usaha untuk menswastakan agensi-agensi Kerajaan dan projek-projek. Lembaga Padi dan Beras Negara telah diperbadankan dan ia menghasilkan pengurangan 4,000 kakitangan daripada senarai gaji Kerajaan. Di samping itu, projek-projek yang telah diluluskan untuk penswastaan pada tahun 1994 termasuk Projek Hidro-elektrik Bakun di Sarawak, satu pengeluaran tenaga elektrik persendirian (IPP), Rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan, Pelabuhan Pulau Pinang serta Kompleks Sukan Negara. Oleh yang demikian, rancangan penswastaan terus menjadi sebahagian daripada dasar fiskal yang penting untuk mengurangkan lagi beban perbelanjaan Kerajaan dan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan negara.

Sebahagian daripada dasar fiskal yang penting ialah dalam penyelenggaraan pengurusan hutang negara dengan bijaksana. Memandangkan terdapat kecairan yang berlebihan di dalam ekonomi dan kedudukan kewangan Kerajaan yang kukuh, Kerajaan terus membuat bayaran balik awal pinjaman-pinjaman luar, khususnya yang melibatkan kos pembiayaan yang tinggi. Pada tempoh lapan bulan pertama 1994, sebanyak RM1.6 bilion pinjaman luar telah dibayar balik awal. Dengan ini, hutang luar Kerajaan Persekutuan dijangka akan berkurangan daripada RM19.4 bilion pada 1993 kepada RM17.2 bilion pada 1994. Bayaran-bayaran balik awal seterusnya mungkin akan dibuat pada baki bulan-bulan 1994.

Memupuk Masyarakat Penyayang

Pembentukan masyarakat adil dan penyayang memerlukan faedah-faedah daripada kemajuan ekonomi dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat. Kemajuan ekonomi mesti terus diseimbangkan dengan aspek-aspek pembangunan sosial. Kerajaan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha membantu golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat untuk membolehkan mereka menyertai secara aktif dan dapat manfaat daripada proses pembangunan yang pesat. Ke arah ini, usaha-usaha yang bersepadu telah dilaksanakan untuk menentukan supaya golongan miskin dan kurang bernasib baik diberi

peluang-peluang dan sumber-sumber yang membolehkan mereka menyertai secara berkesan dalam arus pembangunan negara.

Program penting yang dilaksanakan pada 1994 ialah program rumah kos rendah, khususnya untuk golongan miskin di bandar. Masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana semakin meruncing di kawasan-kawasan bandar utama, sebahagian besarnya akibat daripada penghijrahan penduduk luar bandar ke kawasan-kawasan bandar. Ketidacukupan perumahan yang mampu dibeli oleh mereka telah menimbulkan percambahan kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar, di mana taraf kesihatan adalah rendah dan kemudahan asas tidak mencukupi. Oleh itu, sebagai usaha untuk meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan golongan berpendapatan rendah di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Perumahan Kos Rendah (TPKR) yang berjumlah RM1,100 juta pada 1994. TPKR mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama sebanyak RM500 juta disediakan oleh Bank Negara Malaysia menerusi institusi-institusi kewangan, yang bertujuan menyediakan pembiayaan perantaraan yang mudah kepada pemaju yang layak pada kadar faedah 2% untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah. Bahagian ini diselaraskan oleh Syarikat Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan (SPPK). Bahagian kedua di bawah TPKR adalah sebanyak RM600 juta yang bertujuan membiayai pembinaan rumah pangsa di bandar-bandar utama yang menghadapi masalah setinggan yang mendesak. Rumah-rumah pangsa ini akan disewa kepada penghuni-penghuni miskin bagi tempoh maksimum selama lima tahun. Di bawah skim ini, Kerajaan menyumbangkan RM300 juta, manakala bank-bank, institusi-institusi kewangan dan perbadanan-perbadanan menyumbangkan sebanyak RM300 juta. Sumbangan besar yang diberikan oleh sektor swasta sangat bererti kepada negara, kerana ini mencerminkan tanggung jawab sosial yang sangat tinggi yang telah ditunjukkan oleh sektor swasta.

Kemajuan dari segi pelaksanaan rumah kos rendah di bawah Tabung ini adalah menggalakkan. Di bawah bahagian pertama, sejumlah RM267.1 juta atau 53.4% daripada jumlah besar telah diluluskan sehingga akhir bulan September 1994 oleh SPPK untuk membiayai pembinaan sebanyak

14,592 unit rumah kos rendah di bawah 35 projek. Di bawah bahagian kedua, 23 projek berharga RM510 juta atau 85% daripada jumlah besar dan melibatkan pembinaan 9,673 unit rumah pangsa telah diluluskan, selain daripada RM30 juta yang dikhususkan untuk pembangunan kampung tradisional dan kampung baru. Selain daripada TPKR, Kerajaan juga telah menubuhkan tabung pusingan berjumlah RM500 juta pada bulan Ogos 1994. Tujuan tabung pusingan ini adalah untuk meningkatkan stok rumah yang mampu dibeli dalam tempoh lima tahun dan untuk menggalakkan pemilikan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar di Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Di kawasan-kawasan luar bandar, sementara insiden kemiskinan telah dikurangkan dengan ketara, Kerajaan terus melipatgandakan usaha-usaha untuk menghapuskan kemiskinan, khususnya di kalangan golongan termiskin. Untuk maksud ini, peruntukan-peruntukan telah diberi bagi membiayai Rancangan Pembangunan untuk Rakyat Termiskin, yang memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan pendapatan serta taraf hidup mereka. Di samping itu, Kerajaan terus meluaskan dan memperbaiki kemudahan sosial dan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya bekalan elektrik dan air serta jalan-jalan, yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Tambahan lagi, untuk memberi pendapatan tambahan kepada golongan termiskin dan untuk membolehkan mereka menyertai dalam peluang-peluang pelaburan, program Amanah Saham Bumiputera-Program Pembangunan Rakyat Termiskin (ASB-PPRT) telah diperluaskan kepada bilangan termiskin yang lebih besar. Tabung unit-unit amanah kerajaan-kerajaan negeri juga telah memberi manfaat kepada mereka.

Bagi golongan berpendapatan rendah secara keseluruhan, sebagai langkah lanjut untuk membantu mereka, Belanjawan 1994 telah mengurangkan beban cukai melalui pertambahan kadar rebat kepada individu yang mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai sebanyak RM10,000 dan lebih rendah. Dengan pertambahan ini, seseorang yang berpendapatan RM1,270 sebulan dan menikmati pelepasan diri dan pelepasan bagi isteri dan lima orang anak tidak perlu membayar sebarang cukai pendapatan.

Kesimpulan

Pendekatan serta pelaksanaan pakej dasar-dasar makro-ekonomi yang pragmatik dan menyeluruh pada tahun 1994 telah membolehkan ekonomi Malaysia mengekalkan pertumbuhan yang pesat bagi tahun ketujuh dengan peningkatan harga yang sederhana. Pertumbuhan ekonomi yang pesat telah juga berjaya membuka peluang-peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk

memanfaatkan proses pembangunan dan menikmati pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Lebih penting lagi, pertumbuhan ini telah memupuk asas-asas ekonomi yang kukuh bagi membolehkan negara meneruskan usaha-usaha pengubahsuaian dan peralihan ke arah membina kekuatan dan dinamisme yang boleh bertahan dan bergerak seiring dengan persekitaran ekonomi yang berubah di dalam dan luar negeri.